

13/06/1999

Prinsip pemerintahan masyarakat majmuk

iewed by Zainudin Isa

Tajuk: Prinsip-prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk.

Penyunting: Abdul Monir Yaacob.

Penerbit: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

SATU-SATUNYA keunikan Malaysia rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan yang menganuti agama, mengamalkan tradisi serta kebudayaan berbeza.

Lebih istimewa lagi, rakyat negara ini mampu duduk di bawah satu bumbung, tanpa semangat perkauman yang menebal sehingga menimbulkan kekacauan atau pertelingkahan sesama sendiri.

Keadaan ini jauh berbeza berbanding di beberapa negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum dan keturunan, tetapi sentiasa ada rusuhan, keganasan dan diskriminasi yang kuat di kalangan masyarakat.

Sifat unik masyarakat Malaysia itu mendorong Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menganjurkan persidangan 'Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk'.

Hasil persidangan itu, IKIM menerbitkan semua kertas kerja dan ucapan persidangan melalui buku yang bertajuk Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk.

Meneliti intipati buku ini, wajarlah ia dibaca segenap lapisan masyarakat kerana ia membincangkan bagaimana prinsip toleransi berjaya diamalkan sehingga negara mampu mengekalkan kestabilan dan perpaduan kaum yang jitu.

Buku setebal 207 muka surat ini juga memuatkan latar belakang sejarah, khususnya mengambil contoh bagaimana Umno sebagai tunjang kerajaan membentuk ikatan yang cukup padu dengan bangsa lain.

Dengan kemantapan itulah, negara kini mengecapi kemajuan ekonomi dan politik yang cukup memberangsangkan.

Buku ini turut menyentuh mengenai prinsip dan amalan yang dilaksanakan pemerintah Islam terhadap golongan kecil bukan Islam dalam negara yang mengamalkan sistem kerajaan Islam.

Umpamanya, dalam kertas kerja bertajuk 'Konsep Pemerintahan Islam dan Pendekatannya Dalam Masyarakat Majmuk', tulisan Prof Madya Dr Abdullah Abu Bakar, menyentuh lebih terperinci mengenai prinsip seorang pemimpin, kepemimpinan dan dasar pemerintahan Islam.

Penulis menggarap dan membincangkan fungsi pemimpin, syarat pemilihan pemimpin, bandingan pemerintah Islam di Pakistan dan Iran dan bentuk pemilihan ketua negara pada zaman pemerintahan Khalifah yang empat.

Bagi golongan Islam yang masih ragu-ragu terhadap masa depan isu kerajaan Islam, penulis turut menyentuh topik berkaitan hak rakyat bukan Islam, jaminan dan kewajipan dalam negara Islam serta layanan terhadap golongan kecil bukan Islam.

Lebih menarik lagi, buku ini turut memuatkan ucapan perasmian persidangan itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir mengulas pelbagai isu semasa, khususnya menyentuh kedudukan masyarakat berbilang kaum dan agama dalam sesebuah pemerintahan.

(END)